PENYELIDEKAN KALI KE-TIGA DI-RUMAH KETUA KAMPONG BURONG PINGGAI BRUNEI - Y.D.M. PEHIN KHATIB HAJI MOKSIN BIN KHATIB HAJI OSMAN PADA 13HB. MARCH, 1970 - HARI RABU:

---

## MEMBUAT RUMAH:-

Bentok2 rumah yang kebanyakan-nya di-dirikan pada masa dahulu ia-lah:-



1. Rumah Belah Bubong  
2. Rumah 'Beluting' - keadaan-nya 2 tingkat - mempunyai ruang di-tengah2. Untok keluarga yang banyak.
3. Rumah Tungkup - Rumah ini di-dirikan hanya oleh orang2 yang berada - kaya -.  

Sebelum sa-saorang itu membuat atau membangun sa-buah Rumah baru terlebeh dahulu ia-nya mesti-lah 'Beramu' - ka-hulu dengan memakai perahu yang besar. 'Beramu' ini di-tulong oleh orang2 Kampong.

Perbelanjaan membangun rumah kadang2 di-tulong (bertolong2an) Siapa yang menulong $1,00 pada masa dulu orang itu ada-lah orang yang berada (Kaya) dan seterus-nya menulong bekerja salama membangun tiang sahaja.

Pada masa dulu dinding rumah kebanyakan-nya di-buat daripada 'Buloh' - 'Pelupoh' di-chanchang di-luar kemudian di-buka dan di-luruskan. Sa-sudah lurus dinding di-lapit, penchuchok rumah-nya berpahat dan di-ikat, kemudian memasang tungkat gelagar daripada 'Nibong'. Lantai buloh. Jika Lantai Buloh 'Pulangan' di-belah kechil2. Dinding 'Pelupoh' di-sebelah luar-nya 'Kajang', di-dalam (di-rasok) supaya angin tidak masok, jadi baru-lah di-taroh 'Alik' - keadaan-nya melintang. Sebelah dalam 'Kajang' tadi di-gapit dengan Buloh, kemudian di-chuchok dengan rotan, rotan di-raut dengan rata. Atap-nya belah 'Bubong' rumah saperti ini selalu terbakar-Hangus.

## MEMILEH TAPAK RUMAH YANG BAIK:

Untok memileh tapak rumah yang hendak di-dirikan itu hendak-lah mengadap 'Kiblat' dan tanah di-sebelah Kiblat itu mempunyai keada'an yang tinggi sedikit - Tinggi Meninjau - Teraju Emas - Ini-lah tapak rumah yang baik. Tapak rumah yang tidak baik ia-lah Rendah di-sebelah 'Kiblat' (rendah di-sebelah kepala).

Pengertian:-

Y
00018/1
HAL

KOLEKSI N. A. HALIM

| | |
|---|---|
| Tinggi Meninjau<br>Teraju Emas | Kiblat tinggi ada mempunyai bukit di-hadepan, bila sudah hari hujan ayer mengalir - di-gelar rezeki - |

Jika membuat rumah di-ayer, tangga-nya mesti-lah ka-arah tumpuan Ayer biarpun pasang dan surut.

Kedudokan Bentok Rumah yang baik; Indung Rumah ( ) di-tengah2, Surambi ( ) di-sebelah kiri dan kanan 'Sayap'. Membuat pintu atau tangga di-mosok mengikut 'Bubong' di- Surambi ( ) tidak di-Indong Rumah ( ) Membuat pintu tidak boleh terus masok ka-dalam bilek mesti-lah melalui terlebeh dahulu 'Puntaran', dan di-buat sebelah matahari hidup/terbit.

Kedudokan bentok rumah saperti ini selalu terdapat di-orang2 Iban.

HARI YANG BAIK MULAI MEMBANGUN RUMAH:

Hari yang baik untok mulai membangun rumah ia-lah hari Ahad jika jatoh kapada 25 haribulan Hijjrah. Jika tidak bererti 25haribulan Hijjrah itu tidak baik. Hari2 yang baik saperti 2 haribulan (Hijjrah), 12 haribulan (Hijjrah).

Membangun Tiang rumah yang baik pada 6 haribulan hijjrah atau sanaribulan hijjrah. Membangun selalu-nya pada waktu malam kira2 pukol 8, 7 atau 9 atau terus waktu suboh pukol 4,5, dan 6 suboh. Begitu juga jika berpindah ka-rumah baru sebaik2-nya pada waktu malam.

MENGUKOR PANJANG/LEBAR RUMAH BARU:

Pada masa dulu, orang2 mengukor rumah ia-lah dengan 'rambu2' tali kemudian panchang-nya dengan Daun Tunjang. Tiang-nya kebanyakan dari Tiang Nibong di-pahat. Rumah pada masa dulu kebanyakan tiang-nya ia-lah 12. tiang.

Apabila sudah selesai mengukor panjang dan lebar rumah tadi segala panchang dan tali2 tadi di-taroh (Simpan) di-atas rumah sa-hingga burok kerana tidak boleh di-pakai.

Ukoran Panjang dan lebar rumah mesti-lah di-hitong daripada 'Laki'. Buka rumah yang baik 19'. Panjang 25' - Chara2 menghitong mulai daripada Tapak Tangan. Saperti Rajah:-



Hitongan mulai dari dalam tapak tangan (1) kemudian di-ikuti dengan Ibu Jari (2) dan (3) Jari telunjok dan seterus-nya. Apabila hitongan itu jatoh ka-angka mithalan 19' - bererti baik - hitongan 19 jatoh ka-dalam tapak tangan - di-ertikan kapada pegangan (rezeki). dan begitu juga jika jatoh hitongan itu kapada 25.

Sekira-nya hitongan jatoh kapada Ibu jari - Raja - bererti baik dan begitu juga hitongan jatoh kapada jari telunjok - Temanggong. Sebab2 hitongan ini di-gunakan ia-lah kerana sa-saorang itu memegang sa-suatu benda itu saperti Pensil dan lain2 adalah mengunakan - Tapak tangan - Ibu Jari dan Jari Telunjok ini bererti segala2-nya dalam pegangan (mempunyai rezeki - rezeki tidak kemana).

MENDIRIKAN TIANG RUMAH:

mendirikan tiang rumah ( 12 tiang), mesti-lah barang2 yang berikut di-tanam bersama2 dengan tiang2 itu saperti: Beras, gula, wafak (Azimat) Emas, Sira (Garam) Asam dan Kunyit. Sebab2 di-tanam barang2 ini tadi, konon nya kerana barang2 tadi-lah di-chari, emas bererti chahaya. Chara2 ini ada setengah2 orang yang memakai-nya dan ada juga yang langsong tidak memakai-nya. Jika di-pakai chara ini bukan-lah bererti kaya, tetapi hanya mengambil sempena saja.

Chara2 mengisi barang2 tadi ka-dalam tanah bersama2 tiang2 yang hendak di-dirikan (12 tiang) saperti Rajah yang berikut:-



Tiang2 yang bertanda + (ke-empat2-nya) hanya di-tanam dengan Wafak saja - Wafak ini di-tulis mempunyai 'Ayat'. Bahasa Jin - Mata Jin.

Tiang2 yang bertanda * (Kedua2-nya) di-[illegible] dengan

barang2 yang berikut;-

1. Beras.)
2. Gula. )
3. Emas. )
4. Wafak.)
5. Kunyit)
6. Asam. )
7. Garam )

Kesemua barang2 ini di-simpan ka-dalam botol untok di-tanam bersama2 tiang2 yang bertanda * : Barang2 di-atas hanya di-tanam sedikit sahaja.

Mula2 mendirikan tiang mesti-lah mengikut atoran, ia-itu mesti-lah di-dirikan terlebeh dahulu tiang di-sebelah mata hari terbit 'mengadap Kiblat) saperti Rajah:

| | | |) - Di-dirikan lebeh dahulu ka-empat2 tiang.

| | | |) - Di-dirikan kedua kali-nya (ka-empat2 tiang).

| | | |) - Di-dirikan kali ketiga-nya (ka-empat2 tiang).

Semasa mendirikan kesemua tiang2 ini tadi, tidak-lah dapat berhentok di-antara satu dengan tiang2 yang lain. Jika terhentok di-takuti tuan rumah yang akan mendudoki rumah itu nanti tidak senang hati - selalu bertengkar.

Ketika membangun tiang2 tadi ada mempunyai pantang. saperti; Tidak di-benarkan saorang pun terjun.
Membuang2 ayer - mati -
Membalah2 (pechah belah).

Rumah2 dahulu kebanyakan-nya 4 persegi 'Square', tetapi panjang, susunan-nya:- Ada pemantong melangkah - Tabir - Pintu - Pasak - Lawangan.

BERPINDAH KA-RUMAH BAHARU.

Berpindah ka-rumah baharu bererti menchari kesenangan, sebelum berpindah mesti-lah terlebeh dahulu mudek2an, sa-sudah dapat barang2 saperti keperluan makanan, siap tabir-menabir di-angkut (di-bawa) ka-dalam rumah baharu itu pada siang-nya sebelum berpindah. Ayah kapada keluarga tadi meng-hubongi orang yang akan berpindah itu 'Wakil'. Berpindah selalu-nya selepas Sembahyang 'Isa', di-sini di-jemput orang2 Kampong. Orang2 yang datang - keluarga2 dari orang yang akan berpindah itu terlebeh dahulu memasak ayer panas, memasang api dan lain2 pekerjaan untok di-jamu kapada orang2 yang datang tadi. Sa-telah selesai pekerjaan2 tadi baharu-lah

orang yang akan berpindah itu di-ambil (di-jemput).

Sa-tiba mereka di-rumah tia2 keluarga yang akan mendudoki rumah itu mesti-lah terlebeh dahulu di-tempat kan ka-dalam bilek2 masing2 (tiap2 sa buah bilek) selepas di-dudokkan di-bacha selawat - dan sterus-nya membacha Do'a Selamat. Pada malam pertama ini di-tegah orang2 yang ada di-rumah itu tidor sebelum pukol 5 pagi,

Sekira-nya ada orang2 (selain dari orang yang ber-pindah) tidor di-rumah itu, maka ia mesti-lah tidor sa-hingga 3 malam, jika tidak sampai konon-nya di-takuti apa-bila isteri tuan rumah mendapat anak nanti 'takut anak-nya itu pachah (pechah) mata'.

Dalam masa 3 hari itu juga tidak di-benarkan membeli belah, mengeluarkan duit, jika sekira-nya pada hari itu ada or ng yang berjual Emas atau besi2 atau kain2 patut-lah di-beli, tetapi tidak boleh di-keluarkan duit dahulu, apabila sampai 3 hari baharu-lah boleh membayar.

------

PERTANYA'AN2

1. Bilahkah selalu-nya sa-saorang itu membuat rumah baru?.

   i) Bila sudah rumah mereka itu burok baharu-lah membuat rumah.

2. Apakah pekerja'an orang2 Dulu - (Kebanyakan-nya):

   i) Mengalu padi 10 sen sa-gantang. Apabila di-jual kapada taukeh2 di-sini di-jual 9 gantang $1.00

   2) Pada masa dahulu berdagang2an, bertukaran2, keuntongan di-pakai berdagang lagi.

3. Apakah Kesukaran membangun rumah di-ayer?

   i) Susah, tanah lichak - lumpur - tidak boleh bertumpu dan susah pula berchuchok tanam.

---------

PENGERTIAN PERKATA'AN:-

TINGKAP: - Jendela

JERAJAK - Tiang yang di-dirikan sabelah bawah Jendila.

ALEK - Kayu Melintang di-atas J erajak.



Jerajak dan Alek ini pada masa sekarang di-gelar 'Pemidangan'.




PINTU -

JEJANANG -

PEMANTONG - Papan yang melintang di-Pintu.

BANDOL

PEPILIS - Papan yang melintang terletak di-hujong Atap.




BANDOL PELAPIS - Tiang yang berdiri - Pada masa dahulu di-Lobang bulat untok membuang habok2 sigup dan lain2.

CHARA2 MENGETAHUI PISAU ATAU BADI2, KERIS DAN LAIN2 ALAT YANG BAIK:

Di-hitong di-tapak tangan ia-itu saperti menghitong panjang dan lebar rumah, menghitong mulai dari isi senjata itu.

Jika kita memeliki keris di-hitong 7 - bererti baik, 8 - di-gelar Raja Besi. Jika kita memeliki Raja Besi ini kita tidak boleh membawa ka-mana2, jika kita bertengkar dan senjata itu di-chabut dari sarong-nya tidak dapat di-masokkan lagi jika tidak minum darah - membunoh. Jika hitongan itu 9, Di-gelar 'Temanggong' - orang yang memegang besi ini berkeadaan sederhana - tenang.

Pertama dalam urusan bagi membuat rumah ini ia-lah menchari tapak yang baik oleh sa-orang yang pandai. Tanah yang di-kirakan baik jangan di-bawah bukit, perantaraan sungai. (Mungkin ini keperchayaan terhadap hantu, iblis dan shaitan supaya jangan terlanggar ketika mereka2 itu berjalan Kalau sudah di-bawah bukit, mungkin hantu2 itu tidak melihat, dan harus akan mendapat chelaka. Tetapi jikalau kita selidikit benar2, bahawa ini ada-lah sebagai menghindarkan dari merbahaya. Jikalau di-bawah bukit, takut nanti, kejatohan batu2 atau benda yang lain daripada bukit itu).

Kemudian baharu-lah memasang tiang-nya. Pertama sekali ia-lah sa-biji lobang di-gali di-tengah2 untok tiangpertama. Lobang ini di-isi dengan segala jenis makanan, saperti beras, ambulung, asam, garam, emas perak, besi, chermin dan sebagai-nya. Baharu-lah menchachak kan tiang itu. Sebab2 di-simpan barang2 ini di-dalam lobang itu, mengikut keperchayaan mereka supaya segala rezeki makanan dan sebagai-nya tidak tertolak daripada tuan rumah. Dalam mendirikan tiang hendak-lah di-jaga supaya bayang2 tiang jangan mengenai tuboh (bayang2) mengikut keperchayaan mereka jikalau ini berlaku akan mendapat penyakit kapada tuan rumah.

Sesudah berdiri, di-tiap2 kepala tiang itu di-letakkan temporong kelapa atau daun2 atau saumpama-nya Keperchayaan mereka supaya tiang2 tersebut jangan di-panah gerhana bulan. Jikalau kena, ada-lah alamat yang tidak baik (Tetapi kalau kita selidiki baik, ini ada-lah semata2 untok menghindarkan chahaya matahari daripada tiang2 itu takut-kan retak atau pechah sekira-nya terlantar begitu lama oleh chahaya matahari). Sesudah siap, baharu-lah berpindah ka rumah baharu. Dinding2 tidak berlantak dengan paku atau berpahat. Lantai2 tidak berpaku. Di-jalin sahaja. Ini di-sebabkan tidak ada paku pada waktu itu.

Tuan rumah tidak boleh meninggalkan rumah selama 3 hari dengan pergi ka-tempat lain. Orang yang datang menumpang, jikalau tinggal bermalam. mesti-lah juga tinggal di-sana selama 3 malam. Selama 3 hari ini tidak boleh menurunkan barang2, membuang atau membeli2. Keperchayaan mereka takut menurun juga atau terbuang juga wang atau harta benda mereka.

Sekira-nya terjadi satu2 alamat yang tidak baik, sa-belum menyiapkan rumah, boleh di-bukan dan di-pasang kembali sesudah habis pantang

## ADAT2 ORANG [illegible]

1. Adat membuat rumah — adat berbuat rumah
2. Adat beranak — Adat beranak.
3. Adat berpadi — adat berpadi
4. Adat berhantu — Adat Berhantu
5. Adat berkahwin — adat Berkahwin
6. Adat kematian. — adat kematian.

1. **ADAT BERBUAT RUMAH**

Sa-belum sa-sa-orang itu membuat rumah, ia terlebeh dahulu mesti-lah memanggil orang yang pandai untok melihat tapak tempat membuat rumah yang baik.

YANG DI-LIHAT.

1. Jangan-lah di-rompak tanjong atau bukit (lidah bukit)
2. Di-rompak ulu sungai.

Bila sudah selesai baru-lah di-dirikan tiang-nya. Pada satu tiang hendak-lah di-isi dengan benda makanan seperti beras, asam, sira (garam) dan benda2 lain. sa-sudah itu baru-lah di-dirikan tiang.

Sebab2 di-tanam barang2 ini, supaya segala2 barang yang di-chari tidak terkeluar daripada rumah itu.

GAYA MENGUNJAM (Menanam tiang)

Orang yang mengunjam itu tidak boleh di-kena oleh bayang tiang itu, dan tuboh badan-nya tidak boleh di-masokkan ka-dalam lubang, jika sekira-nya termasok orang ini akan mendapat penyakit.

Sa-telah tiang di-dirikan, di-sebelah atas tiang itu mesti-lah pula di-tutop dengan tempurong kelapa (piasau) atau pun benda2 yang keras. Sebab2 tiang ini di-tutop supaya jangan di-sinari oleh gerhana bulan, jika terkena ini menunjokkan rumah ini tidak baik, dan tiang2 itu di-chabot balek (sukud nya tidak baik). dan segala kayu2 rumah ini tidak di-buat (di-lantak) dengan paku tetapi hanya-lah di-jalin.

Bila sudah siap rumah dan baru-lah keluarga rumah itu berpindah, dan di-tegah orang yang di-rumah itu meninggalkan rumah itu dalam 3 hari, atau tidak boleh tidor di-tempat lain, jika sekira nya orang datang ka-sana ia-nya tidak di-benarkan beralek melainkan dia mesti bermalam sa-lama 3 malam, dan begitu juga sa-lama 3 malam dan 3 hari barang2 dalam rumah ini tidak dapat di-turunkan, (takut tiris). dan jika ada orang jatoh (gugur) dari rumah ini bererti rumah ini tidak baik.

Perbualan dengan Pehin Khatib Hj Mohsin, Kg. Burong Pingai pada 11hb March, 1970.

structure of old Brunei Malay houses.

......kajang di-dalam, di-rasok-nya supaya angin jangan masok. Jadi berlapis dua (atap atau daun di-luar). Kemudian di-palang alik (horizontal frame), di-rapit oleh buloh sabesar 2 jari. Di-jalinkan saorang di-luar. Pengalit-nya ia-lah rotan yang di-raut, hingga rata. Kemudian atap-nya daun, balah bubong. Tapi angus itu tidak berhenti. Apa kan di-sapul (di-........). Tahun2 hangus. Saya pernah melihat hangus di-Kampong Pemeriok. Kenapa di-gelar Kampong Pemeriok. Kerana orang di-sana ada membuat periok tanah. Tandai. Di-mana Kampong Pemeriok ani? Dekat Tandai Besi. Tanah-nya, tanah lihit, ada hitam. Orang2 tua dahulu pergi ka-kedai tidak pakai kasut, berbaju dan berkain ka-kedai. Berkopiah. Tidak topi pakai dastar. Dastar-nya di-buat daripada percha (pembungkus champur). Orang-nya berjambul. Panjang jambul. Dasartar itu untok menutup jambul. Belum juga lama (batah) orang berjambul ini. Belum sampai 60 tahun, yang saya ingat. Tahun 1910 maseh lagi berjambul. Permainan kami ayer tohor, belahan (kacha) di-tutoh, (di-pechahkan) di-beri bulat macham duit di-gelar bertaki. Beridi, berkait, berguli, bergasing. Taki ia-lah permainan untok mendekati satu tempat yang di-persetujui. Kalau jauh, tidak di-pakai. Siapa yang lebih dekat dia memukul kacha lain, kalau kena di-ambil.
Fasal pemakanan tidak susah, apabila lagi orang merambat, dulu belum ada orang penugu, bila ayer tohor pagi, turun untok menangkap ikan. Chara-nya ia-lah menkochek ayer itu, lalu udang (siar) itu naik dan di-tangkap. Kalau petang hari begitu juga. Ada orang membalat dekat rumah, di-tolong. (Keadaan ini maseh berjalan hingga akhir tahun empat pulohan). Sesudah yang empunya balat itu mengambil ikan, di-suroh kanak2 itu mengambil mana yang lebih. Oleh2 itu dapat di-makan untok 3 orang . Bantang, bilis, pusu dll. Jadi Tohan itu memang memberi dengan sesuai. Oleh kerana belum begitu berakal waktu dahulu, senang menchari. Sekarang orang sudah pandai, kalau tidak berikhtiar, tidak akan mendapat rezeki. Dulu harap kapada Tohan saja. Kalau orang alim dahulu kala, tidak ada makan gaji, dengan tanggongan yang banyak, dapat juga hidup dengan senang. Kerana mereka itu teguh perchaya kapada Tohan. Tidak pernah mereka berhutang.
Bagaimana chara membangun mula2?
membangun itu disukat juga dahulu, berambu2 di-sukat tali, di-gantong2 kain merah berchareke2 sejauh2 tiang, dengan daun tunjang. Mengapa begitu. Itu sempana baik. Tiap2 berdaun itu subor. Ini sempena sahaja. Kalau di-habisi, tidak berdaun, ertinya kitani tidak ramai sarumah satangga. Kalau di-tanah kering, ini memang tidak ada. Sabelum membangun, 12 tiang di-pahat oleh 12 orang juga. Pakai uak2, dan kalut. Dahulu pakai ikat. Tutupnya ia-lah kayu bakau, kerana kayu bakau itu lurus. Saya sekarang ani pun tidak mahu rumah tungkup. Kerana rumah tungkup itu malema orang bersha'er, orang berpantun. Itu-lah menjadi malu (kapada orang rumah tungkup).
rumah tungkup balai-nya tungkup, dapor-nya berjala-jala, pencharian chukup semua chukup, siapa menchala. Ini-lah yang menjadi kemaluan kerana ia bukan orang kaya. Kerana orang yang berumah tungkup itu memang-lah orang berada. Kalau tidak tentu-ya akan di-sindir. Itu-lah sebab-nya jarang terdapat rumah tungkup waktu dahulu. Kalau berumah tungkup orang berada, di-Sungai Kedayan. Sekarang ani tidak-lah menjadi hairan lagi. Sekarang apa jenis rumah pun tidak akan mendapat tentangan. Jadi machem mana feshen rumah orang dahulu? Bangsa balah ubong . Jadi itu-lah yang di-ikut oleh Seri Begawan feshen balah bubong kapada bangunan Madarasah (Jabatan Hal Ehwal Ugama). Itu-lah gaya rumah Awang semuan dahulu, ingat ya. Rumah itu banyak yang lunchit (tajam ka-atas).
Macham mana dengan rumah beloting? Atu rumah bertingkat dua. Siapa empunya? Orang Brunei juga kerana tuboh-nya banyak. Orang

(satu sirang di-kira di-antara satu tiang dengan tiang). Rumah-nya panjang. Oleh kerana beranak, bermenantu, beranak dan bermenantu, Berpakat tia membangun. Macham agak2 kapir kurato dahulu. Macham orang2 Iban di-rumah panjang itu. Di-perama ada sabuah itu hari, dalam tahun 1925 ada lagi itu. Rumah itu di-bena oleh sa-orang bernama Pa Kassim. Di-Burong Pingai ada 2 buah. Rumah itu panjang besar, lorong di-tengah2. Lebar-nya tidak di-kirakan kira2 5 sirang dan banyak kelamin tinggal di-dalam atu. Di-dalam rumah itu berpetak2. Sirang dahulu itu lebih besar dan panjang daripada keadaan sekarang. Satu satar di-kirakan dari bahagian depan, sementara sirang mengangur ka-belakang dan depan. Serambi ada di-kedua belah rumah itu. Menjadi pantang kalau ada serambi hanya sabuah, erti-nya patah sayap, pencharian payah. Orang ramai dalam rumah itu. Kalau orang berbantah di-hujung sana, orang di-ujong sini tidak tahu. Melainkan kalau orang meneriakkan baharu-lah tahu.

Jadi kalau orang membangun, memileh hari yang baik-lah?

Ya. Itu pun mengikut saperti sekarang ini.

Mengapa orang tidak suka membangun berjauhan dengan sanak sudara?

Kerana tali kekeluargaan. Ada orang mengatakan jauh nanti sudara, payah. Kalau rumah itu di-aturkan berbaris tidak juga jauh. Waktu dahulu, tidak suka berpipit2, berdekatan dengan satu sama lain, kerana halaman luas rezeki murah.

Sekira-nya ada-tah anak Pehin berumah di-tempat lain, macham mana pendapat Pehin?

Itu-lah jadi-nya mengambil kehidupan. Memang manusia pun macham begitu. Di-mana yang lebih baik, kalau ada duit, jadi hampir sudara itu. Kalau bersempit2, tidak mendapat kesenangan tidak juga ada erti-nya. Di-mana pun kaseh kitani, kalau tidak ada duit, susah, hilang kaseh antara sanak sudara. Apa sebab banyak orang pergi ka-Bintulu, ka-Baram ka-mana itu? Untok menchari keuntongan dan kesenangan. Yang tidak ada duit tinggal di-Burong Pingai. Kadang2 orang berpindah, itu ada-lah untok menchari kesenangan kalau sudah hidup susah di-tempat dulu.

Jadi perbelanjaan membuat rumah itu sendiri saja-kah atau ada orang membantu atau menolong waktu dahulu?

Memang-lah ada orang lain menolong tetapi tidak banyak. Kalau sudah di-ketahui adaorang hendak membangun rumah, menolong waktu duit murah dulu ada 50 sen, sasuku (25 sen) ini boleh membeli sagantang beras. Jikalau orang menolong 1 ringgit itu orang berada. Kalau ada kematian, itu tandu-nya orang berduit.

Jadi sambil memberi duit itu ada dia memberi pertolongan juga?

Ada sahari membangun itu. Di-gelar memuchang. Kalau membangun, mesti-lah di-siapkan tutup pada hari itu juga. Untok menghabiskan, tuan rumah itu nanti menyiapkan (Tutup ia-lah kayu yang berkeliling di-atas sekali mengeliling bontok rumah itu). Ada terdapat sampayan bagi tutup itu di-simapn di-atas.

Jadi kalau dulu berapa banyak belanja sabuah rumah itu?

Kalau di-kira tidak sampai lebih beratus. Buloh satu sen sapohon panjang. Semua murah. Waktu dulu murah. Kalau sudah tebu 7 panggan harga-nya satu sen saja. Kalau rumah dulu biasa-nya berbentok empat segi? Squir (square).

Di-dalam rumah itu ada pemantong untok melangkah. Pintu masuk di-tutup oleh tabir.

berpindah (belaleh). Jemputan di-tujukan dengan chara berpanggil (belagau). Malam-nya ini hendak berpindah, siang sudah di-angkut barang2. Barang makan sedia, beras, ayer, kayu, lawangan sudah di-sediakan. Bila sudah lepas sembahyang Isha', di-suroh dulu orang ramai (jemputan) pergi ka-rumah baru itu. Lepas semua-nya orang beratur, baharu-lah adaorang tua2 menjemput orang punya rumah(yang berpindah) itu berlaleh. Di-kira juga berapa orang kelamin (kelinduan), terus duduk ka-tempat yang di-ator untok sasaorang itu. Sudah selawat, membacha doa selamat selesai-lah upacharaitu. Ada orang pulang. Tetapi ada juga orang yang di-tahan (di-tegah) jangan pulang untok teman tidor di-rumah itu, sampai 3 hari kerana kepercayaan mereka di-takuti pechah nanti anak mereka yang baharu lahir. Ada juga kejadian

berlaku apabila isteri tuan rumah beranak, anak yang lahir itu buta mata-nya sebelah. Maka di-jadikan keperchayaan kapada mereka. Pada hal itu semua-nya kejadian daripada Allah Ta'ala. Jadi peribasa orang2 Melayu Brunei, "Jangan semalam (tidor) pechah nanti anak ku". Yang di-pegang menjadi teman tidor di-rumah baru itu-lah ia-lah perampuan anak dara2. Kalau sudah tidor di-sana, salepas 3 hari baru di-benarkan pulang. Sekarang pun orang belaleh demikian juga. Tidak ada tidor hanya semalam. 'Jangan inda kuasa' kata orang. Yang di-pegang itu ia-lah kanak2 laki umor dalam 10 tahun. Atau pun orang tua2 dalam umor 60 tahun. Waktu malam, orang bershaer (tidak ada radio dulu). Pantang-nya tuan rumah tidak boleh tidor waktu malam itu. Saperti orang pengantin. Semalam itu tidak boleh tidor. Ia boleh tidor dalam jam 5.00 pagi. Demikian juga adat orang dulu, kalau mudek (pergi ka-ulu), selagi orang di-rumah itu belum tidor, orang datang itu belum dapat tidor. Sahingga orang rumah sunyi sepi. Jangan tidor dahulu, menjadi pantang sahingga sekarang. Apa makna-nya itu? Kitani selalu sakit, udzur kalau melanggar pantang itu.

Kalau berjual beli di-dalam rumah itu boleh? Tidak dapat. Mesti-lah di-sediakan barang2 di-dalam rumah itu jangan kekurangan. Kalau ada duit, orang rumah sabelah menyimpan. Sekira-nya ada orang berjual ikan, tuan rumah tidak membeli hanya menyuroh orang lain. Membeli boleh, jangan mengeluarkan wang. Kalau kita berduit, dengan tiba2 ada orang membawa emas, jangan di-lepaskan mesti-lah di-beli. Jangan di-lepaskan. Ini sempena baik. Kalau pun sabentok, mesti-lah di beli. Kerana ada pertukaran dengan emas. Tetapi jangan di-keluarkan duit dahulu. Lepas 3 hari baharu-lah membayar. Kalau orang datang menjual dengan sengaja? Boleh, ini yang baik. Baikpun barang, baik pun besi, hendak-lah di-beli.

Kitani ini ada 4 perkara dalam manusia, yang menghidupkan kitani 1. Besi. 2. Tanah. 3. Ayer. 4. Angin. (Pada+ besi termasok-lah batu). Kalau tidak ada besi, tidak boleh menebang kayu, menebas hutan. Kalau kain di-bawa orang, suroh pileh bini2 salambar saja yang di-pakai.

Kenah berniaga

Kalau ada di-pangkalan orang membawa padi, di-beli harga-nya 8 sen sagantang, dalam 30 gantang. Dalam 1 ringgit untong-nya 20 sen. Kalau di-puhon itu di-beli 12 gantang. Kalau berjual di-Brunei harga ½ gantang 1 ringgit. Kain chita, chita muda di-bawa turun di-jual 18 sen sa-ela. Di-jual 22 sen saelah untong 4 sen. Itu-lah hal2 dahulu, sungguh pun murah, fasal barang2 makan chukup.

Sekarang banyak rumah berlanggar? Ya. Tapi dahulu rumah berlanggar itu lain daripada sekarang. Kalau sekarang itu benar2 di-langgar rumah itu di-hadapan. Tetapi dulu, kalau rumah balah bubong, ada dapor balah bubong, di-gelarkan di-langgar. "Saperti kata orang, di mana kamu menaroh barang ku atu, eh, di-langgar". Erti-nya langgar itu di-dapor, tetapi belah bubong juga bentok-nya. Sapanggal dari langgar itu ada-lah pantaran. Atau pun sasirang pantaran-nya, 2 sirang dapor-nya. Langgar penggelar orang itu. Jadi langgar itu bukan-lah di-hadapan, di-belakang rumah itu? Benar. Sekarang betul nama itu langgar gelaran masa ini. Kerana bubong-nya melanggar ka-rumah.

Kalau orang hendak membangun rumah, sabelum itu daun tunjang di-chacharkan-nya. Itu-lah di-gelar rambu-rambu. Rambu2 itu sabenar-nya ia-lah rotan atau tali2 yang menjadi penyukat berapa jauh tiang, itu yang di-gelarkan rambu2. Daun tunjang itu di-gelar panchang. Sudah selesai membangun rumah, tidak dapat di-pakai lagi. Di-gantong sampai burok sendiri-nya.

Macham mana orang mengukor rumah itu? Kadang2 saperti aku mahu 19 kaki, kaki siapa kaki laki2. Di-mana ia menghitong itu. (Di-hitong dari tapak jari). Sampai di-telepak di-gelarkan saperti maksud orang itu, dalam genggaman-nya. Erti-nya apa saja yang di-kehendaki-nya akan terchapai (makna baik). Erti-nya rumah itu tidak timbul [illegible] akan mendapat kesenangan kapada anak beranak. Kalau menyukat pugajung di-kirakan dari kak

tuan punya rumah. Kira-nya di-kehondaki 25 kaki. Jatoh-nya di-telapak tangan juga. Sama juga saperti lebar-nya. Kalau hendak 27 kaki jatoh-nya di-telunjok. Erti-nya dua kalimah shahdat. Apa maksud akan terchapai. Penjangkau makanan dengan telunjok juga. Kalau 25, erti-nya kalau berdagang, tidak akan balek barang itu, laku dan mendapat keuntongan. Rezeki pun di-dapati dengan suchi-nya. Jadi kalau membangun dengan sukatan ini di-tambah dengan hari yang baik, Insha Allah akan mendapat kebaikan dan terjauh dari merbahaya. Gelaran-nya, kalau di-pakai 26 di-gelar raja, memang baik takut orang membuat bencana. Kalau jauh2 berani tetapi hampir takut. 27 di-gelar Temanggong. sempena-nya rumah itu baik. Demikian juga kalau membeli besi, kalau di-sukat sampai angka tujoh dengan jari (ibu) kita, boleh di-beli. Tapi kalau 8, itu raja besi. Boleh di-beli tetapi simpan di-petia. Kalau bertengkar jangan di-bawa. Kerana kalau di-chabut, ia tidak boleh masuk tanpa makan darah (Keperchayaan). Kalau mahu sembilan, temanggong, ia sederhana, boleh memutuskan hukum. Tidak ada apa2. Kalau terkena di-kelingking, jangan di-pakai, nanti di-tertawakan orang. Ini di-gelar budak.

Adat mendirikan rumah dan pindah by Ibrahim bin Mohamad Jaafar

Apabila tempat kedudokan rumah itu sudah di-tentukan, di-pachak-kan-lah kayu2 di-mana tiang rumah itu kelak di-dirikan. Ada kala-nya 12 batang, 16 atau 24 batang mengikut besar bentok rumah itu. Kerap kali ukoran panjang dan lebar sesuatu rumah tidak di-ukor dengan pengukoran yang betul, tetapi di-ambil ukoran daripada depa perampuan ia-itu depa isteri ketua rumah itu, (dari hujong ibu jari di-sebelah ka-hujong ibu jari lain). Kata-lah lebar 4 depa dan panjang 5 depa umpama-nya. Ukoran mendepa ini di-panggil "Kambu22. Saperti sirang (column) tiang rumah tidak boleh ganjil bilangan-nya.

Sebab pun ukoran ini di-ambil daripada depa perampuan tidak daripada laki2 kerana tiap2 buah rumah perampuan-lah ketua-nya ya'ani rumah itu hak tempat diam perampuan. Orang laki2 selalu pergi ka-luar menchari nafkah tidak tetap di-rumah, tetapi di-kapal mithal-nya laki2 menjadi nakhoda tidak perampuan.

Sesudah di-pachak tanda2 ini, mel bang pun di-mulai. Tiap2 lobang ada kadar tiga kaki dalam-nya. Di-satu lobang, di-sebelah kanan menghadap kiblat (barat) satu botol yang berisi sedikit i) garam, ii inggu iii lobang kemanyan serahi iv belerang, v sekubin emas vi tujoh macham kain yang berlainan warna dan vii asam, rempah, ketumbar dan sebagai-nya perkakas dapor di-tanamkan. Konon-nya di-perbuat sademikian di-niatkan supaya rezki dan bekalan isi rumah itu bertambah2 makmor datang-nya. Barang2 itu sebagai umpan menarik rezki2 datang. Ada juga sate-ngah orang memanatkan masok sedikit emas dan perak ka-dalm tiang yang tersebut, atau pun menanamkan botol2 yang berisi barang2 tadi ka-dala tiap2 lobang tetapi kebanyakan orang memperbuat yang afdal di-lobang yang satu tadi saja.

Sewaktu mengorek lobang, tanah2 lobang itu di-himpun atau di-buang-kan kadalam kawasan rumah itu, jangan sekali2 di-buangkan ka-luar. Maksyd-nya supaya rezki selalu kelak masok ka-rumah itu, tidak keluar. Bahkan di-tengah rumah itu pula di-tanamkan sakeping besi waja bahari, ia-itu besi waja jenis yang baik sekali. Kepercha(y)aan orang mengatakan bahaw a besi ini menjadi penjaga rumah itu daripada hiblar hantu, jin puaka serta petir halintar.

Apabila mendirikan sesuatu rumah, atoran membina-nya hendak-lah di-ikut giliran-nya saperti ini (i) tiang ii penyuchok iii gelar iv tutop v tulang bubongan vi kasau jantan vii kasau betina vii atap ix lantai x jerejak, tingkap dan pintu, xi alek xii dinding dan xiii tangga.

Yang mana dahulu mesti di-dahulukan dan bagitu juga yang kemudian mengikut tertib dan giliran-nya. Jikalau pembinaan tida di-ikut saperti di-atas ini rumah nanti jadi tidak senonoh dan tidak bertertib, bahkan orang yang akan mendiami di-rumah itu pun akan tidak senonoh hidup-nya.

Saperkara lagi, sekira-nya sewaktu membuat rumah itu, sekonyong2 bulan atau matahari gerhana, sedangkan rumah yang tersebut bahaharu tiang dan gelegar-nya di-dirikan, maka rumah yang akan di-buatu itu terpaksa-lah di-batalkan. Tiang2-nya di-chabut dan tempat kawasan-nya di-ubah. Matahari atau bulan gerhana sewaktu rumah di-perbuat menunjokkan sempena yang tidak baik bgi tapak rumah itu. Jikalau di-langsongkan juga tidak baik bagi tapak rumah itu. Jikalu di-langsongkan juga men-dirikan rumah tadi ketua rumah itu harus mendapat kemalangan. Umor-nya pendek atau pun boleh jadi sal-si rumah itu selalu mendapat susah.

Sesudah rumah yang di-bena itu beratap, lampu kechil mana-lah di-pasang di-tengah2 rumah yang tersebut di-waktu malam. Peratoran ini memberi alamat biar-lah isi rumah itu dri awal-nya berchahaya2 tidak gelap hal kehidupan.

Satelah siap di-perbuat, kata-lah isi rumah yang baharu ini akan pindah di-dalam tiga hari lagi, hendak-lah di-simpan di-tengah2 rumah itu beras, ayer satu tajau dan lain2 barang makan. Maksud-nya mendatangkan tidak putus rezeki orang yang tinggal di-situ ke lak. Kerap kali wa- pindah ka-rumah baharu itu, di-lakukan di-waktu malam lebih kura- sa-pulon. Sangka-nya waktu malam tidak ada panas, waktu senya supaya di-dalm aman terjauh dripada hingar bangar. Semasa pind

itu hendak-lah di-jaga jikalau ada kanak2 yang bersama pindah, jangan menangis dan segala orang isi rumah itu jangan ada yang terjat[oh] atau berkelahi. Pendek-nya semua-nya hendak-lah di-dalam baik. Perempuan, isteri ketua rumah itu naik dahulu, doa selamat dan sedikit jamuan pun di-adakan untok memberi selamat.

Selama tiga hari tiga malam dari mula pindah, tidak boleh mengeluarkan belanja dari rumah baharu tadi. Segala makanan untok tiga lama-nya hendak-lah di-sediakan terlebih dahulu supaya wang tidak keluar membeli-nya di-dalam tiga hari. Dengan ini tamat-nya kerja pindah-mindah itu.

## 2 MENGAPA ORANG BRUNEI BERKAMPONG DI AYER

Suatu pandangan yang agak terganjil di-lihat oleh pelawat2 yang datang ka-Brunei ia-lah keadaan rumah2 kampong di-ayer. Tidak dapat tidak pelawat2 tadi terlintas di-fikiran-nya soalan mengapa orang2 Brunei berkampong di-ayer.

Jawapan-nya -

1. Ada-lah di-zaman dahulu kala, Pulau Borneo ini, bahkan termasok-lah negeri Brunei senantiasa di-lawati oleh perompak lanun. Sademikian orang Brunei bermuafakat berkampong di-ayer, yang mana ahli pelayaran yang gagah membuat rumah di-lapisan luar. Yang lain di-kumpulkan ka-sebelah dalam. Jadi apabila perompak lanun datang senang orang2 yang gagah mengusir-nya.
2. Orang2 Dayak telah mensifatkan orang2Brunei menjadi mangsa mereka. Setiap hari datang mengayau menchari kepala manusia. Satelah mereka berkampong di-ayer susah Dayak hendak mengayau.
3. Begitu juga penchuri dan orang merabak pun kurang datang-nya.
4. Sebagai sifat mereka ahli pelayar, bahkan mejnadi lebih senang pula jikalau tinggal di-ayer waktu hendak berlayar atau pun dapat titah pergi berperang.
5. Orang2 pebalat atau penangkap ikan senang membawa ikan dan sebagai-nya.
6. Lebih2 lagi sampan sarap senang di-buat dan juga najis2 di-hanyutkan ayer waktu pasang dan surut.
7. Jikalau berkampong di-darat di-dalam sangkaan ketua2, darjat mereka rendah dan jatoh kerana anak buah-nya tidak sekumpol, berpechah kesana sini.
8. Ulun2 senang lari apabila tinggal di-darat.
9. Orang2 perampuan malu dan supan tinggal di-darat. dan
10. Kampong di-ayer ini ia-lah menjadi suatu kemegahan kapada orang Brunei.